

4th Issue **VOLUME 1 : JULY 2025**

UiTM MUKAH BULLETIN



Inou Dengah UiTM Mukah?

4th Issue | Volume 1 | July 2025



TABLE OF CONTENT

- 01** From Rector's Desk
- 02** From Assistant Rector's Desk
- 03** Chief Editor's Note
- 04** Editorial Board
- 05** Highlights
- 10** News and Articles
- 63** Creative Writing
- 67** Congratulations!
- 74** Thank You
- 75** Happy Retirement!
- 76** Press and Media Coverage

EDITORIAL BOARD

Professor Dr. Firdaus Abdullah
Patron

Dr. Abdul Jabbar Abdullah
Advisor

Mr. Mohd Shafik Hj. Mohd Samsi
Chief Editor

Editors : **Ms. Siti Faridah Kamaruddin**
Ms. Stefanie Natasha Rich Joseph
Ms. Cindy Robert
Ms. Fakhira Jafri
Ms. Shirley Clare Jeri

Mr. Shileyiusken Mijen
Webmaster

Mrs. Irene Seluroh
Layout & Design

Mr. Anas Asrawy Pendapat
Photographer

Ms. Nuranissa Mercy Punai
Internship Trainee

Published by:

Corporate Communication Unit, UiTM Mukah Campus

eISSN : 2976-257X

Published Date : 4 July 2025

NEWS AND ARTICLES

BAHTERA PENDIDIKAN YANG RETAK: KRISIS PENGUASAAN MATEMATIK DAN MASA DEPAN NEGARA

Penulis: Dr. Muhammad Shahimi Ariffin, Mohd Zuhaili Kamal Basir, Azlan Yusof Punding, Muhamad Nasarudin Sulaiman, dan Akmal Shafiq Badarul Azam



Malaysia sedang berdiri di ambang cabaran besar apabila 84,025 pelajar gagal dalam subjek Matematik bagi Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2024. Statistik ini bukan sekadar angka, ia merupakan gambaran kepada masa depan negara khususnya dalam pembangunan modal insan berteraskan sains, teknologi dan kejuruteraan. Sekiranya akar umbi sistem pendidikan kita terus dibiarkan reput, bagaimana mungkin kita mampu menanam benih kepakaran untuk membina bangsa yang kompetitif di peringkat global?

Kegagalan ini tidak berlaku secara tiba-tiba. Ia merupakan manifestasi daripada pelbagai kelemahan sistemik kandungan kurikulum yang terlalu padat, pedagogi yang tidak berkembang, bilik darjah yang sesak, serta kesan berpanjangan daripada pandemik Covid-19 yang mengganggu hampir tiga tahun proses pembelajaran secara bersemuka. Para pelajar yang kini gagal di peringkat SPM adalah generasi yang pernah belajar dalam kesenyapan komputer riba dan skrin telefon, jauh dari sentuhan tunjuk ajar guru dan semangat perbincangan dalam kelas.

Namun, apa yang lebih membimbangkan bukan sahaja kegagalan pelajar dalam subjek ini, tetapi natijahnya yang jauh lebih mendalam terhadap peluang mereka untuk menyambung pengajian. Matematik merupakan pintu gerbang kepada bidang-bidang kritikal seperti kejuruteraan, teknologi maklumat, aktuari, perakaunan dan sains gunaan. Tatkala sebahagian besar pelajar tidak mencapai gred minimum, mereka secara automatik terkeluar daripada aliran ini maka tertutuplah peluang mereka untuk membina kerjaya dalam bidang berimpak tinggi yang sangat diperlukan negara.

Di sebalik kemajuan teknologi dan pembangunan negara, kita beransur-ansur kehilangan sekelompok besar pelajar yang sepatutnya menjadi tenaga mahir masa depan. Dalam dunia yang dikuasai oleh ekonomi digital, Revolusi Industri 4.0 dan kecerdasan buatan, Malaysia memerlukan pelapis yang bukan sahaja celik teknologi, tetapi mahir menyelesaikan masalah, menganalisis data dan membuat keputusan berpaksikan pemikiran logik semuanya berakar daripada penguasaan Matematik.

Maka, sudah tiba masanya untuk kita hentikan sikap menanggungkan masalah. Kurikulum perlu dirombak dengan pendekatan yang lebih mampan yang memberi fokus kepada penguasaan kemahiran asas berbanding pengisian silibus yang bersifat 'hafalan tanpa kefahaman'. Bilangan pelajar dalam kelas harus dikurangkan agar guru mampu memberi bimbingan secara individu. Dan paling penting, kita mesti memperkukuhkan asas di peringkat rendah, kerana kelemahan awal inilah akan mengheret pelajar kepada kegagalan yang lebih besar di kemudian hari.

Kerisauan ini bukan lagi suara sayup guru atau ahli akademik semata-mata. Ia adalah kerisauan nasional yang perlu dirawat segera menerusi dasar yang berani dan pelaksanaan yang jujur. Jika tidak, kita bakal berdepan dengan generasi yang terpinggir daripada arus pembangunan, sekali gus menjejaskan daya saing negara dalam dunia yang semakin kompleks. Adakah kita sanggup melihat anak-anak kita terus karam dalam lautan nombor yang tidak mereka fahami, sedangkan dunia sedang belayar jauh dengan teknologi yang menuntut kefahaman itu sebagai asas? Ada kalanya kita perlu "diketuk" agar tersedar dari lamunan, agar tidak terus terleka dibuai dalam kealpaan. Kalau ingin mencapai sesuatu, harus diperjuangkan dahulu.